



04 JUN, 2020

## 99,717 mohon rentas daerah

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# 99,717 mohon rentas daerah

**ZARINA ABDULLAH**

**KUCHING:** Sebanyak 3,992 permohonan pergerakan antara daerah diterima oleh 28 Ibu Pejabat Daerah (IPD) Polis Diraja Malaysia (PDRM) seluruh Sarawak sejak semalam.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, ini menjadikan jumlah

kumulatif 99,717 permohonan telah diterima.

“Daripada jumlah kumulatif tersebut, 91,090 telah diluluskan, dan 8,627 ditolak.

“Manakala sebanyak empat tangkapannya harian dan lapan jumlah kompaun dikeluarkan kerana cuba untuk merentas daerah,” katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Benca-

na Negeri Sarawak (JPBNS) berkata demikian pada sidang media harian perkembangan Covid-19 Sarawak di Bangunan Dewan Undangan Negeri (DUN) Lama, di sini, semalam.

“Pasukan pematuhan telah memantau sebanyak 1,805 lokasi iaitu 185 di pasar raya, restoran (307), kilang (22), bank (114), pejabat kerajaan (84), penjaja (10), pasar tani/awam (98), dan tempat

ibadah (94).

“Manakala di tempat riadah sebanyak 46 pemantaun, tapak pembinaan (24) dan lain-lain (821),” jelasnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan sehingga hari ini telah menerima 23,175 notifikasi perniagaan dan industri.

“Selain itu, seramai 435 orang di bawah perhatian (PUS) telah

mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di 38 buah hotel di seluruh negeri adalah seramai 1,186 orang dengan 12,913 PUS telah tamat menjalani tempoh kurantin.

“Hari ini, sebanyak empat lokasi operasi nyahcemas telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah 852 lokasi,” tambahnya.



04 JUN, 2020

## 99,717 mohon rentas daerah

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUCHING: Sebanyak 3,992 permohonan pergerakan antara daerah diterima oleh 28 Ibu Pejabat Daerah (IPD) Polis Diraja Malaysia (PDRM) seluruh Sarawak setakat semalam. Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, ini menjadikan jumlah

kumulatif 99,717 permohonan telah diterima. "Daripada jumlah kumulatif tersebut, 91,090 telah diluluskan, dan 8,627 ditolak. "Manakala sebanyak empat tangkapan harian dan lapan jumlah kompaun dikeluarkan kerana cuba untuk merentas daerah," katanya.